

Pendekatan holistik kawal harga barang

Kuala Lumpur: Kerajaan mesti mengguna pendekatan lebih holistik untuk mengawal harga barangan pengguna, termasuk menyelesaikan isu rantai bekalan dan monopoli yang dikenal pasti punca utama masalah itu.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman, berkata pendekatan holistik yang dimaksudkan bukan hanya memberi tekanan kepada peniaga untuk turunkan harga, tetapi perlu lihat kepada ekosistem atau rantai bekalan yang terbabit dalam penyediaan barangan berkenaan.

Katanya, sebagai contoh, harga ayam yang menjadi isu sejak awal tahun ini adalah berpunca kepada ekosistem pembekalan ternakan itu sendiri.

Beliau menjelaskan, seandainya pengeluar berdepan masalah untuk mendapatkan sumber makanan ayam, mereka pada akhirnya terpaksa menaikkan harga ternakan itu.

"Justeru, yang penting adalah melihat kepada ekosistem pembekalan bagi setiap barangan yang dibekalkan dalam negara



termasuk sayur-sayuran, ikan dan sebagainya, kerana saya percaya lebih banyak isu tertumpu kepada sektor pengeluaran barangan makanan.

"Mungkin kita ada masalah dari segi rantai bekalan, terutama input yang diguna untuk menghasilkan barangan itu sendiri yang memerlukan campur tangan daripada pihak kerajaan," katanya kepada *BH*.

Beliau mengulas keputusan kerajaan mahu menghentikan monopoli import beras seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertama Kerajaan Perpaduan di Putrajaya pada Isnin.

Persaingan sihat

Mengulas lanjut, Daaniyal berkata, beliau tidak menolak ke-

mungkinan wujudnya monopoli dan mungkin kartel terhadap produk pengguna dalam pasaran.

Justeru, beliau melihat kepentingan penekanan agensi pelaksana yang melihat kepada isu berkenaan bagi memastikan wujudnya persaingan yang baik dalam proses pembekalan barang makanan.

"Apabila wujudnya persaingan yang sihat antara pembekal barang makanan, saya percaya, mereka boleh menawarkan harga lebih kompetitif di pasaran.

"Jika wujudnya kartel, mereka boleh berpakat untuk menentukan harga di pasaran, sebaliknya jika ada persaingan yang baik, saya percaya harga makanan boleh dikawal oleh kerajaan dengan mekanisme yang lebih terurus.

"Selain itu, satu rundingan perlu dibuat oleh kerajaan dengan pembekal atau persatuan berkaitan supaya boleh mendaami masalah yang mereka hadapi serta memastikan bahawa bukan sahaja kebajikan rakyat terjaga dengan harga barang terkawal, malah kebajikan peniaga yang menyediakan pro-

duk makanan perlu diambil perhatian.

"Maksudnya bukan sahaja mengawal harga di pasaran, tetapi melihat apakah permasalahan yang berlaku pada peringkat pengeluaran barangan berkenaan," katanya.

Kerap pantau harga barang

Sementara itu, Koordinator Program Research For Social Advancement (REFSA), Fakhrurrazi Rashid, berkata Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) perlu diperkasa bagi mengatasi monopoli dalam rantai bekalan makanan, termasuk syarikat besar.

Katanya, pemantauan harga barang perlu dibuat secara kerap dan bukan semasa isu harga barang naik timbul.

"Selain itu, kerajaan perlu melihat dasar meningkatkan gaji pekerja yang masih rendah, khususnya dalam fasa pemulihan COVID-19.

"Kawal harga barang sekalipun, tetapi rakyat masih mengeluh untuk berbelanja kerana gaji mereka rendah untuk tampung kos sara hidup yang tinggi" katanya.